


# Budaya Ilmu

## Pemangkin Malaysia MADANI

▣ **Shaikh Mohd Saifuddeen  
Shaikh Mohd Salleh**  
Pegawai Penyelidikan, Unit Pengurusan  
Penyelidikan, Institut Kefahaman Islam Malaysia

**B**agi umat Islam, kepentingan ilmu ditekankan menerusi pelbagai ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW. Penegasan tentang kepentingan menuntut ilmu ini menjadi bukti bahawa Islam memartabatkan ilmu dan golongan ilmuwan. Allah SWT menciptakan manusia dengan kelebihan akal fikiran yang tidak diberikan kepada makhluk yang lain. Maka itu, wajarlah anugerah ini dimanfaatkan sebaik-baik mungkin melalui pengisian ilmu yang berguna. Sekiranya manusia tidak memperkasakan akal fikiran dengan ilmu, nescaya akan sia-sialah anugerah istimewa Allah SWT ini.

Sekalipun ilmu yang dimiliki oleh Allah SWT ini amat luas dan tidak tercapai oleh kebanyakan manusia, Islam tetap mewajibkan umatnya menuntut ilmu. Perkara ini dapat dilihat melalui hadis Rasulullah SAW yang bermaksud, "Menuntut ilmu itu wajib bagi setiap Muslim." (Hadis riwayat Ibn Majah dan al-Baihaqi).



### Keistimewaan wahyu pertama

Apabila membincangkan tentang ilmu, pastinya wahyu pertama yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW menjadi perhatian. Wahyu pertama ini dirakamkan dalam ayat 1 hingga 5 *Surah al-'Alaq* yang bermaksud, "Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Dia menciptakan manusia daripada segumpal darah. Bacalah, dan Tuhanmu yang Maha Pemurah. Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Dia mengajarkan manusia apa-apa yang dikehendaknya."

Wahyu pertama ini mempunyai beberapa kepentingan terhadap manusia, khususnya umat Islam. Kepentingan yang pertama pastinya berkaitan rapat dengan pelantikan Nabi Muhammad SAW sebagai nabi dan rasul terakhir. Dengan pelantikan ini, maka bermulalah penyebaran syiar Islam ke seluruh pelusok dunia. Menerusi usaha dakwah, ajaran Islam menjadi pegangan dan amalan umatnya sehingga berjaya membentuk satu tamadun gemilang yang pernah disaksikan dalam lipatan sejarah manusia.

Kepentingan kedua dilihat menerusi mesej saintifik, iaitu wahyu pertama ini mengandungi maklumat biologi tentang perkembangan janin manusia. Allah SWT memberikan maklumat ini kepada umat Islam semasa Nabi Muhammad SAW dilantik sebagai rasul kira-kira 15 abad yang lalu. Fakta biologi yang didedahkan menerusi wahyu ini hanya dapat dibuktikan oleh sains selepas tempoh berkurun-kurun kemudian apabila pengetahuan manusia bertambah menerusi

perkembangan sains. Seorang pakar bedah Perancis, Maurice Buaille membuat kesimpulan bahawa pendedahan fakta sains menerusi wahyu ini membuktikan wujud keserasian antara Islam dengan sains. Dalam erti kata lain, tiada sebarang konflik atau dikotomi antara sains dengan ajaran Islam.

Kepentingan ketiga dilihat apabila Allah SWT berfirman berkenaan dengan kaedah untuk menuntut, mengembangkan dan menguasai ilmu. Kaedah pertama adalah menerusi arahan Allah SWT supaya membaca. Membaca merupakan kunci kepada ilmu pengetahuan. Tidak dapat tidak, amalan membaca penting untuk penguasaan ilmu. Kaedah kedua berlaku apabila ilmu disebar luas menerusi penulisan. Menerusi penulisan, karya ilmiah terdahulu terpelihara hingga hari ini. Apabila al-Quran dihimpunkan dan kemudiannya dibukukan, maka usaha ini turut menjamin kesucian al-Quran terus terpelihara hingga hari ini. Oleh sebab itu jugalah hadis dihimpunkan dalam bentuk tulisan supaya terpelihara daripada hilang dan tidak tambah oleh golongan yang tidak bertanggungjawab.

Kepentingan keempat yang terkandung dalam ayat kelima *Surah al-'Alaq* ialah penjelasan bahawa segala bentuk ilmu berpunca daripada Allah SWT. Jika tidak kerana keizinan-Nya, maka manusia tidak dapat memperoleh sebarang bentuk ilmu. Maka itu, ayat ini menjadi peringatan kepada manusia yang sewajarnya tidak angkuh apabila memperoleh dan menguasai ilmu pengetahuan. Sebaliknya, manusia yang berilmu perlulah

mengikut resmi padi, iaitu semakin berisi semakin tunduk. Analogi ini membawa konotasi bahawa sepatutnya apabila lebih banyak ilmu yang dimiliki oleh manusia, maka lebih tunduk manusia itu kepada Allah SWT.

### Ilmu pengetahuan dan pembinaan tamadun

Kegemilangan satu-satu tamadun terletak pada penguasaan ilmu dalam tamadun tersebut. Bukan setakat penguasaan ilmu, malahan keupayaan mengembangkan dan menyebarkan ilmu juga penting bagi memastikan keutuhan dan kelangsungan tamadun. Di samping itu, kejayaan tamadun juga dapat dilihat pada sejauh mana ilmu yang dijana itu diterjemahkan dalam bentuk amalan dan tindakan. Sains dan teknologi menjadi antara manifestasi kekuatan ilmu yang dimiliki oleh satu-satu tamadun.

Andainya seseorang mengkaji tamadun Islam pada masa lampau, maka mereka

**Dalam usaha merealisasikan tamadun Malaysia, wajar bagi sesebuah institusi seumpama Bait al-Hikmah dibentuk untuk menyimpan khazanah ilmu dalam bentuk tulisan di samping berperanan sebagai pusat pertemuan cendekiawan dan ilmuwan tempatan dan antarabangsa untuk berbincang dan bertukar-tukar fikiran.**

akan mendapati bahawa penguasaan ilmu termasuk sains dan teknologi memainkan peranan yang penting dalam usaha menjadikan tamadun ini mencapai suatu kemuncak yang belum disaksikan oleh sejarah manusia sebelumnya. Kemuncak tamadun Islam dapat dilihat pada sekitar kurun ke-13 Masihi. Islam yang mula tersebar semenjak kurun ke-6 Masihi mewujudkan suatu pegangan utuh terhadap Allah SWT dengan memerdekakan pemikiran Arab jahiliah kepada pemikiran yang terbuka terhadap pencarian ilmu. Apabila akidah Islam menjadi anutan, maka berlakulah perubahan yang mewujudkan suatu tamadun yang gemilang dan mengubah asas ilmu berkaitan dengan akidah, falsafah, politik, ekonomi, seni dan sains. Dengan terbangunnya pusat kecemerlangan seperti di Baghdad, Kufah, Tus, Isfahan, Maragha, Kaherah, Fez, Khurasan, Cordova, Toledo, Aleppo dan Granada, perkembangan ilmu berjalan dengan sangat pesat.

Begitu banyak ilmuwan Islam yang menyumbangkan tenaga dan kepakaran bagi melonjakkan tamadun manusia ke satu tahap yang belum pernah disaksikan sebelum ini. Tamadun Islam bukan sahaja terkenal dengan nama-nama ilmuwan yang masyhur dalam pelbagai bidang ilmu, malah juga amat sinonim dengan pencapaian dan pembaharuan yang dibuat dalam bidang ilmu tersebut. Kreativiti, inovasi dan ciptaan baharu yang diperkenalkan semasa kegemilangan tamadun Islam melonjakkan peradaban manusia ke suatu tahap yang lebih tinggi.

## Lima rahsia kejayaan tamadun Islam

Umat Islam pada hari ini tidak wajar sekadar bernostalgia dengan kejayaan yang lalu tanpa berusaha mengulangi kejayaan ini pada masa sekarang. Perkara ini yang cuba dizahirkan menerusi pendekatan Malaysia MADANI yang diutarakan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim. Sehubungan dengan itu, menjadi suatu keperluan untuk mengenal pasti ciri-ciri kejayaan dan kecemerlangan tamadun Islam bagi membolehkan tamadun negara Malaysia yang selaras dengan pendekatan Malaysia MADANI dapat dibina pada masa ini.

### 1 Sokongan dan naungan pemerintah terhadap usaha pengembangan ilmu pengetahuan

Sememangnya tanpa sokongan pemerintah, mustahil ilmu pengetahuan dapat dimartabatkan. Jika ditinjau sejarah tamadun Islam, kegemilangan sesebuah kerajaan tercapai apabila wujud keamanan dan kestabilan politik di samping naungan pemerintah terhadap para ilmuwan. Perkara ini jelas berlaku pada zaman Khalifah Harun al-Rasyid dan puteranya, Khalifah al-Ma'mun. Pada masa tersebut, begitu banyak ilmuwan yang menjadikan kota Baghdad sebagai tumpuan mereka menjalankan aktiviti keilmuan.

Apabila contoh ini diletakkan dalam konteks semasa, maka sokongan dan naungan daripada kerajaan amat penting. Untuk menjayakan

perkara ini, kerajaan perlu mewujudkan kemudahan prasarana penyelidikan yang canggih, menyediakan peruntukan dana untuk penyelidikan, membangunkan modal insan dalam pelbagai bidang ilmu, memberikan insentif bagi menggalakkan penyelidikan, di samping menarik minat ilmuwan antarabangsa dan ilmuwan tempatan yang berada di luar negara supaya mencurahkan kepakaran mereka di Malaysia.

### 2 Mempergiat aktiviti penterjemahan

Ilmuwan Islam mengkaji tulisan para ilmuwan terdahulu dalam pelbagai bahasa. Apabila hasil keilmuan ini diterjemahkan daripada bahasa asing kepada bahasa Arab, maka tulisan awal ini dapat dikaji dan seterusnya ilmu dapat dikembangkan dengan lebih pesat. Maka itu, pada zaman kegemilangan Islam, peranan yang dimainkan oleh penterjemah amat besar. Antara penterjemah yang terkemuka pada masa itu termasuklah Ibn Naubakht, al-Fazari dan Hunain ibn Ishaq.

Mengambil iktibar daripada perkara ini, sewajarnya usaha penterjemahan dipergiat pada hari ini. Hal ini penting terutamanya apabila melibatkan karya-karya saintifik dan teknikal yang ditulis dalam bahasa asing. Hasil terjemahan dalam bahasa Melayu dapat dimanfaatkan oleh penyelidik di negara kita bagi membuat kajian selanjutnya. Dalam hal ini, kepentingan golongan penterjemah yang mampu menterjemahkan karya-karya

saintifik dan teknikal dalam bahasa Melayu tidak boleh dinafikan sekiranya hasrat untuk melihat tamadun negara Malaysia yang berasaskan pendekatan Malaysia MADANI menjadi suatu kenyataan.

### **3 Wujudnya pusat kecemerlangan ilmu seperti Bait al-Hikmah di Baghdad**

Bait al-Hikmah diasaskan oleh Khalifah al-Ma'mun yang berperanan sebagai sebuah perpustakaan yang mengumpulkan ribuan buku dan manuskrip sama ada karya asli ataupun karya terjemahan. Selain itu, Bait al-Hikmah juga menjadi pusat pertemuan para ilmuwan untuk berbincang dan bertukar-tukar fikiran. Bait al-Hikmah ibarat sarang lebah yang menarik perhatian lebah-lebah berkumpul bagi menghasilkan madu yang manis lagi lazat. Dalam konteks ini, madu yang manis dan lazat inilah ilmu yang tidak ternilai harganya. Khalifah al-Ma'mun berjaya menarik minat para ilmuwan seperti al-Khwarizmi, al-Jawhari, Jaafar Muhammad ibn Musa ibn Shakir, Ahmad ibn Musa ibn Shakir, al-Hasan ibn Musa ibn Shakir, al-Kindi, Hunain ibn Ishaq dan Thabit ibn Qurrah. Bait al-Hikmah menjadi pusat penjaan idea baharu yang membawa kepada perkembangan ilmu baharu.

Sehubungan dengan itu, dalam usaha merealisasikan tamadun Malaysia, wajar bagi sesebuah institusi seumpama Bait al-Hikmah dibentuk

untuk menyimpan khazanah ilmu dalam bentuk tulisan di samping berperanan sebagai pusat pertemuan cendekiawan dan ilmuwan tempatan dan antarabangsa untuk berbincang dan bertukar-tukar fikiran. Selain itu, pusat ini juga berfungsi sebagai pusat penyelidikan dan pembangunan dalam pelbagai bidang ilmu.

### **4 Kecenderungan cendekiawan bertumpu ke pusat kecemerlangan ilmu untuk menyelidik, mengajar dan belajar**

Keadaan ini jelas dilihat semasa zaman kemuncak Bait al-Hikmah di Baghdad apabila pelbagai pihak dari luar Baghdad termasuk dari Eropah datang ke Baghdad bagi memanfaatkan kemudahan yang ada di Bait al-Hikmah. Kepentingan Bait al-Hikmah ini diakui sehinggakan orang Eropah yang pada ketika itu berada dalam kegelapan menghantar cerdik pandai mereka untuk mempelajari bahasa Arab, dan seterusnya belajar di Bait al-Hikmah. Mereka kemudiannya kembali ke Eropah dan menterjemahkan karya ilmiah bahasa Arab ini dalam bahasa Latin.

Mengambil pengajaran daripada perkara ini, ada kewajarannya untuk kerajaan menggalakkan dan memudah cara pergerakan cendekiawan dan ilmuwan antarabangsa ke Malaysia. Pada zaman moden ini, umat Islam tidak ketandusan cerdik pandai termasuk dalam

bidang sains dan teknologi. Namun begitu, kebanyakan cendekiawan Muslim bertugas di negara maju. Perkara ini mungkin berlaku kerana insentif, prasarana dan kemudahan yang ditawarkan di negara maju lebih menarik. Seharusnya usaha perlu diambil bagi menggalakkan para saintis Islam ini menyumbangkan kepakaran mereka di negara Islam seperti Malaysia dengan menyediakan galakan yang setimpal dan kemudahan yang mencukupi bagi menarik minat mereka.

### **5 Kesedaran umat Islam terhadap tanggungjawab membangunkan ilmu**

Jelas bahawa tamadun Islam yang lampau berjaya kerana umatnya melihat penguasaan ilmu pengetahuan sebagai tanggungjawab fardu. Hal ini selaras dengan tuntutan Islam yang mahukan umatnya menguasai dan mengembangkan ilmu. Maka itu, kesedaran yang sama perlu diterapkan kembali dalam kalangan umat Islam pada abad ke-21. Seandainya ilmu seperti sains dan matematik terus-menerus dilihat sebagai terasing daripada kerangka ilmu Islam, maka berterusanlah pengasingan yang wujud antara Islam dengan sains. Oleh sebab itu, umat Islam perlu disedarkan kembali tentang kepentingan dan kewajipan menuntut dan menguasai ilmu ini demi menjamin masa hadapan yang lebih baik dan cerah. 